

# Melayu harus lakukan revolusi mental sahut cabaran PM

KUALA LUMPUR 16 Jun Pelbagai pihak hari ini menggesa orang Melayu melakukan revolusi mental sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu mereka bekerja lebih keras dan tidak lagi bergantung penuh kepada bantuan kerajaan.

Selain itu, mereka juga mahu orang Melayu melakukan muhasabah diri ke atas pencapaian mereka selama ini serta membuang sikap negatif yang masih diwarisi.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, teguran Perdana Menteri itu ada

kebenarannya kerana secara keseluruhan orang Melayu masih belum boleh berdikari.

Beliau berkata, pembangunan fizikal orang Melayu boleh dikatakan hampir selesai tetapi mereka masih memerlukan pembangunan dari segi ilmu dan perubahan sikap.

"Kita perlu menggariskan apakah ciri-ciri dan bentuk Melayu Baru yang ingin dicapai," ujarnya.

Beliau menambah, perubahan drastik kerajaan terhadap beberapa dasar yang menyentuh hak istimewa orang Melayu tentunya mempunyai hikmah tertentu de-

ngan tujuan melonjakkan lagi pencapaian mereka.

Najib menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri dalam wawancara eksklusif yang disiarkan oleh *Mingguan Malaysia* hari ini berkenaan sikap orang Melayu yang masih tidak berubah.

Dr. Mahathir yang secara jujur mengakui kegagalannya dalam mengubah orang Melayu menyatakan sikap mereka yang suka bergantung kepada bantuan, subsidi dan hak istimewa amat mengecewakan beliau.

Bagi Dr. Mahathir, orang Melayu hanya mahu mencari jalan

singkat dan tidak mahu bekerja keras sebaliknya hanya mengharapkan bantuan.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, orang Melayu memerlukan revolusi mental cara baru iaitu dengan menumpukan kepada pembaharuan sikap termasuk kerohanian serta kemanusiaan dan tidak seperti revolusi mental sebelum ini yang terlalu tertumpu kepada kemajuan fizikal.

"Cara baru ini perlu dilakukan dengan meluas secara berfokus," katanya.

Sambil menyatakan teguran

■ Lihat muka 4

## Melayu harus lakukan revolusi mental sahut cabaran PM

Perdana Menteri itu bukan dibuat kali pertama, ia perlu diambil perhatian serius oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain.

Seorang lagi Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, walaupun teguran Perdana Menteri itu pedas tetapi ia adalah tepat dan harus dijadikan pencetus kepada perubahan pemikiran orang Melayu.

Jelasnya, bagi mewujudkan persaingan di kalangan orang Melayu, sebahagian daripada bentuk-bentuk naungan yang menyebabkan mereka leka, perlu diubahsuai.

"Perkara inilah yang cuba dilakukan oleh kerajaan dan ia diharapkan dapat difahami oleh orang Melayu," jelasnya.

Muhammad berkata, sekiranya orang Melayu ingin mencapai kejayaan mereka perlu bersedia melakukan penghijrahan minda dan anjakan paradigma dengan mencontohi bangsa lain di dunia yang telah mencapai kejayaan.

Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Othman Said menegaskan, orang Melayu perlu berani untuk menghadapi cabaran, kegagalan dan kritikan.

Justeru, katanya, orang Melayu perlu menyediakan kekuatan mental dalam menghadapi zaman yang kian mencabar ini.

"Orang Melayu perlu berani menghadapi segala cabaran termasuk kegagalan yang akan menjadi pemangkin kepada kejayaan," tegasnya.

Tokoh veteran UMNO, Tan Sri Abdul Samad Idris berkata, kerajaan perlu mewujudkan satu revolusi mental baru bagi mengubah sikap orang Melayu kerana dasar sedia ada terbukti tidak berkesan.

Beliau berkata, keutamaan harus diberikan kepada sistem pendidikan dengan memperkenalkan mata pelajaran baru di tahun satu sekolah rendah yang bermatlamat mengubah sikap anak kaum Melayu.

"Mata pelajaran ini akan memberi pendidikan kepada anak kaum Melayu mengenai sikap-sikap positif yang dimiliki oleh kaum lain terutama Cina yang berjaya dalam hidup walaupun tanpa bantuan kerajaan," ujarnya.

Sementara itu, tokoh pendidik, Tan Sri Awang Had Salleh berkata, punca masyarakat Melayu terus lemah berbanding dengan kaum lain disebabkan pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan.

"Kita telah memberikan pelbagai insentif dan keistimewaan dalam semua aspek kehidupan orang Melayu hingga mereka naik lemak dan manja," katanya.

Beliau menambah, berikutan itu masyarakat Melayu tidak tahu menjaga dan menghargai insentif yang dimiliki kerana ia boleh diperoleh dengan jalan mudah.

"Akibatnya, lahirlah masyarakat Melayu yang tidak berdaya saing dan lemah apabila berhadapan dengan bangsa lain," katanya.